

## PEMAKLUMAN PELAKSANAAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM (SUBJEK JABATAN) SESI 2/2021 PADA BULAN NOVEMBER TAHUN 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan keputusan Kerajaan yang menyaksikan peralihan fasa bagi kebanyakan negeri dan pembukaan terhadap sektor sosial dan ekonomi, Lembaga Peperiksaan KKR dan Urus Setia Peperiksaan Jabatan Kerja Raya Malaysia dengan kebenaran Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah bersetuju untuk melaksanakan semula Peperiksaan Perkhidmatan Awam (Subjek Jabatan) **Sesi 2/2021** yang telah ditangguhkan sebelum ini pada bulan November tahun 2021 seperti berikut:

Bil.	Nama Peperiksaan	Kod	Tarikh Peperiksaan	Status Terkini	Catatan
1	Peperiksaan Perkhidmatan Awam (Subjek Jabatan) Penolong Jurutera, Penolong Pegawai Senibina dan Penolong Juruukur Bahan	B01	08.11.2021 hingga 10.11.2021	Dilaksanakan mengikut SOP sepenuhnya	Sila rujuk Lampiran A untuk senarai SOP peperiksaan yang perlu dipatuhi tanpa gagal oleh calon.
2	Peperiksaan Perkhidmatan Awam (Subjek Jabatan) Pelukis Pelan	C03			

3. Sebarang perubahan tarikh peperiksaan dan ketetapan SOP akan dimaklumkan dari semasa ke semasa berdasarkan kepada perkembangan terkini peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) saranan oleh pihak Kerajaan dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19. Sila layari laman sesawang <http://www.exam.jkr.gov.my> untuk maklumat terkini peperiksaan. Calon-calon dikehendaki mematuhi sepenuhnya SOP yang telah ditetapkan. Calon yang tidak memenuhi keperluan SOP tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.

4. Segala kerjasama daripada pihak tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

**Urus Setia Peperiksaan**

**Jabatan Kerja Raya Malaysia**

**05 Oktober 2021**